

11 OKTOBER 2017

Dicekup kali kedua kerana dadah

SINAR HARIAN • RABU 11 OKTOBER 2017

HUBUNGI SKUAD SENTRAL MOHD FAHMI ISMAIL - 019-3310021, NORAFIZA JAAFAR - 019-660256, HIDAYAH HAIROM - 019-6680261

SENTRAL

37

Dicekup kali kedua kerana dadah

Bapa tiga anak menyesal termakan pujukan rakan, berusaha mahu berubah

MUHAMMAD AFHAM RAMLI

KUALA LUMPUR - "Saya mahu berubah dan saya akui ini silap saya," itu luah seorang bapa kepada tiga anak yang dicekup dalam Ops Keramat, dekat sini.

Menurutnya, dia akui telah berhenti sejak lima bulan lalu, namun terpengaruh dengan ajakan rakannya sebelum mencuba lagi 'barang' itu.

"Saya berusaha berhenti menghisap ganja dan saya tahu saya salah.

"Lima bulan saya cuba berhenti, tapi akhirnya saya terpujuk dengan ajakan kawan dan kami sama-sama menghisap di tangga pagi tadi (semalam)," katanya ketika ditemui di Pejabat Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Sentul, semalam.

Lelaki berusia lingkungan 50-an dan hanya dikenali sebagai Zaman itu, berkata, sebelum ini dia pernah ditahan di Pusat Serenti Dengkil

selama sembilan bulan apabila tertangkap kerana positif dadah jenis ganja dan tidak menyangka kali ini tertangkap lagi.

Ketika ditanya sama ada anaknya tahu dia pernah terlibat dengan ganja, Zaman berkata, anaknya tahu tentang perkara itu, tetapi untuk kali kedua ini masih belum lagi anaknya dimaklumkan.

"Kalau tahu mesti terkejut sebab mereka ingat saya betul-betul dah berhenti...saya..saya terpengaruh. Berubah atau tidak memang saya akan berubah kerana saya sudah berumur...memang saya mahu berubah," katanya dalam keadaan sebak.

Sementara itu, Pengarah AADK Datuk Dr Abd Halim Hussein berkata, seramai 16 lelaki berusia 19 hingga 58 tahun ditahan hasil serbuan Ops Keramat di Flat Sri Perlis, Kampung Datuk Keramat, AU2 serta AU3, Kuala Lumpur, bermula jam 10 malam kelmarin hingga pagi semalam.

"Operasi ini dijalankan bagi mengesan serta membawa penagih atau individu yang terbabit dengan dadah mendapat rawatan. Operasi secara berkala ini diadakan selepas aduan dan keresahan penduduk berhubung penyalahgunaan dadah di kawasan terbabit susulan daripada kes kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Itifaqiyah.

"Ujian air kencing mendapati 12 individu positif dadah jenis ganja, heroin dan syabu," katanya dalam sidang media, semalam.

Kesemua suspek ditahan untuk tindakan lanjut mengikut Seksyen 3(1) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983.

Mengulas sama ada Keramat merupakan kawasan 'panas' beliau berkata, berdasarkan rekod yang dibuat, Keramat bukanlah kawasan panas seperti yang didakwa.

"Berdasarkan tangkapan dan operasi yang kita buat mendapati Bandar Sentul, Setapak dan Wangsa Maju," katanya.



Abd Halim (berdiri, kiri) bertanya sesuatu kepada individu yang ditahan dalam Ops Keramat, semalam.